

KPLB hulus bantuan segera kepada mangsa banjir di Bangi Lama

By Ain Hamzah 20 December 2021 170

Mahdzir Khalid menyampaikan bantuan segera kepada salah seorang mangsa banjir di Kampung Bangi Lama, Selangor.

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) hari ini menghulurkan bantuan segera kepada **mangsa banjir** berupa kit makanan dan peralatan kebersihan bernilai RM100 bagi setiap keluarga di Kampung Bangi Lama, Hulu Langat, Selangor.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kit berkenaan antara bantuan segera yang disalurkan oleh KPLB kepada penduduk kategori luar bandar yang terjejas akibat bencana banjir.

“Kita amat bersimpati dengan situasi yang dialami oleh penduduk yang dilanda banjir besar di Lembah Klang tahun ini.

“Justeru KPLB mengambil inisiatif untuk sekurang-kurangnya meringankan sedikit beban dengan menyalurkan bantuan segera dan bantuan selanjut akan kita beri mengikut keperluan selepas penilaian menyeluruh dilaksanakan pasca banjir ini nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas **meninjau** situasi semasa kawasan bencana banjir di Kampung Bangi Lama, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPLB, Datuk Ramlan Harun dan Pengarah KPLB Selangor/Wilayah Persekutuan, Abdul Malik Othman.



recommended by mgid

INSULUX

Seluruh Malaysia terkejut! Diabetes mudah dirawat (lihat di sini)

[KETAHUI LANJUT >](#)

Dalam kejadian banjir ini, sejumlah 230 keluarga di kampung berkenaan terjejas teruk.

Jelas Mahdzir, KPLB turut menggerakkan sukarelawan di bawah agensi KPLB negeri ke lokasi-lokasi banjir di seluruh negara.

KPLB juga katanya, akan membaik pulih kerosakan kemudahan infrastruktur seperti jalan kampung dan juga ameniti sosial yang terjejas pascabanjir nanti.

Baca juga: [Siapa lagi akan khianati UMNO?](#)

“Banyak kerosakan yang akan dibaiki oleh Kementerian di kawasan seperti di Kampung Bangi Lama ini seperti jalan kampung dan longkang-longkang kecil melalui Projek Ameniti Sosial,” ujar Mahdzir.